

# Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang beri makna besar buat TYT

NST 19-3-14 5

**KOTA KINABALU:** "Saya tidak menyangka untuk menerima penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang. Ia merupakan satu penghormatan besar dan saya amat berterima kasih atas pengaruhaan ijazah ini".

Demikian ungkapan Yang Di-Pertua Negeri Sabah, Tun Haji Juhar Datuk Haji Mahiruddin dalam satu temuramah eksklusif sempena penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang daripada University of Wolverhampton (UoW), United Kingdom.

Majlis Konvokesyen Komemoratif berlangsung dengan penuh adat istiadat di Dewan Canselor Universiti Malaysia Sabah, kelmarin.

Dalam temuramah itu, Tun Juhar yang juga Canselor UMS memberitahu, minatnya terhadap bidang undang-undang sudah bermula sejak di bangku sekolah lagi.

"Saya memilih bidang undang-undang disebabkan beberapa faktor. Antaranya, bidang ini menjamin masa depan yang cukup baik dan mempunyai banyak peluang pekerjaan.

"Di samping itu, ia merupakan bidang profesional di peringkat Barristar at Law yang mendapat pengiktirafan di semua negara Komanwel khususnya di United Kingdom," ujarnya yang turut dilantik sebagai Penaung Alumni UoW Malaysia.

Sambil menyifatkan ayahnya sebagai pendorong utama, Tun Juhar sempat berkongsi pengalaman ketika menuntut Ijazah Sarjana Muda Undang-undang di universiti itu yang dahulunya dikenali sebagai The Polytechnic, Wolverhampton.

Katanya, budaya masyarakat di England sememangnya jauh berbeza dengan budaya Malaysia, namun tidak sukar bagi beliau untuk menyesuaikan diri memandangkan ramai rakan-rakan yang melanjutkan pengajian di institusi itu merupakan pelajar Sabah.

"Saya telah berkenalan dengan ramai kawan bukan sahaja yang berasal dari Malaysia tetapi juga rakan-rakan pelajar dari British. Ketika berada di sana, kesulitan utama yang dihadapi adalah perhubungan dengan ahli keluarga di Sabah. Pada masa itu belum ada talian internet dan sistem komunikasi yang canggih seperti hari ini. Perhubungan hanya melalui surat-menyurat," katanya sambil menyebut nama Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia sebagai antara teman rapatnya ketika berada di universiti itu.


Ketika diminta mengulas mengenai pembabitannya dalam bidang undang-undang beliau memberitahu, pengalaman yang sukar dilupainya adalah melihat ahli keluarga tertuduh berlinangan air mata apabila mahkamah mengumumkan sabit kesalahan kepada tertuduh.

"Sebagai manusia biasa, kita juga ada perasaan belas kasihan melihat reaksi seumpama ini. Tetapi keputusan kita dibuat berdasarkan undang-undang dengan mengambil kira kepentingan awam," ujarnya lagi yang pernah berkhidmat sebagai Majistret Kelas Pertama diawal kariernya dalam perkhidmatan awam.

Tun Juhar yang menyifatkan muzik sebagai sebahagian daripada hidupnya turut menegaskan, disiplin undang-undang banyak membantu beliau bukan sahaja dalam tugas harian malah ketika berkecimpung dalam dunia politik.

"Bidang perundangan ini memerlukan banyak pembacaan tetapi kebanyakannya tertumpu kepada Law Report dan Law Journal serta rang undang-undang. Itu antara yang banyak membantu kepada diri saya apatah lagi seseorang peguam itu mestilah sentiasa *up to date* dengan perkembangan yang sedia ada dan terkini," jelasnya.

Tokoh kelahiran Kampung Tambisan Sandakan itu turut menekankan setiap pengamal undang-undang perlu mempunyai tahap disiplin dan integriti yang




**AMANAT...** Tun Juhar turut menyampikan ucapannya pada majlis itu.


tinggi.

"Kita telah dididik untuk menegakkan keadilan kepada semua pihak. Kita tidak boleh pilih kasih dalam tugas kita dan mesti berani menegakkan keadilan without fear or favour," ujarnya mengakhiri sesi temuramah.

Kira-kira 5,000 hadir menyaksikan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang yang disempurnakan oleh Naib Canselor UoW, Prof. Geoff Layer. Hadir sama, Toh Puan Hajah Norlidah Datuk RM Jasni; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Radin Malleh; Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Hajah Jainab Ahmad Ayid dan Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah.



**UCPAN...** Geoff sedang menyampaikan ucapannya di majlis itu.



**DOKTOR KEHORMAT...** Naib Canselor UoW, Prof. Geoff Layer (kiri) menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang kepada Tun Juhar (kanan).